

Kempen PruBSN WarisanPlus Xtra 2020

Terma dan Syarat

1. Kempen PruBSN WarisanPlus Xtra 2020 ("Kempen") ditawarkan mengikut budi bicara Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN" atau "kami"). Dengan menyertai Kempen ini, anda ("anda" atau "pelanggan") bersetuju bahawa anda telah baca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, anda juga bersetuju untuk terikat dengan Polisi Privasi kami. Jika anda tidak bersetuju dengan Polisi Privasi kami dan terma dan syarat Kempen ini, anda tidak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Januari 2020 hingga 31 Mac 2020, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Kelayakan Kempen: "Pelanggan yang Layak" adalah peserta yang melanggan sijil baru PruBSN WarisanPlus (Bisnes Baru) dengan jumlah perlindungan asas sama atau lebih daripada RM 350,000, dan mengemukakan cadangan kepada PruBSN semasa Tempoh Kempen, dimana sijil tersebut mesti diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum atau pada 15 April 2020 ("Sijil yang Layak").
4. Mekanisme Kempen:
 - a) Sijil yang Layak akan berhak menerima perlindungan tambahan sebanyak 20% untuk kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh untuk 2 tahun pertama sijil jika menyertai PruBSN WarisanPlus dengan jumlah perlindungan asas sama atau lebih daripada RM 350,000.
 - b) Perlindungan tambahan sebanyak 20% untuk kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh akan dikira berdasarkan jumlah perlindungan asas penyertaan PruBSN WarisanPlus.
Contoh: Sijil PruBSN WarisanPlus yang diterima pada 20 Januari 2020
 - i. Jumlah perlindungan asas penyertaan PruBSN WarisanPlus = RM 500,000
 - ii. Perlindungan tambahan jumlah perlindungan PruBSN WarisanPlus $20\% \times \text{RM } 500,000 = \text{RM } 100,000$
 - iii. Pelanggan/Keluarga Orang yang Dilindungi memfailkan tuntutan kematian (tidak berkaitan kemalangan) pada 25 Februari 2021, amaun bayaran PruBSN WarisanPlus adalah RM 600,000
 - iv. Perlindungan tambahan hanya terpakai untuk Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sahaja. Ia tidak terpakai untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Penyakit Berjangkit dan Manfaat *Khairat*.
5. Perlindungan tambahan akan termasuk dengan jumlah perlindungan asas untuk diunderitan termasuk jumlah perlindungan agregat dan penilaian pengunderaitan kewangan.
6. Pelanggan yang Layak akan diberi pilihan untuk terus menikmati perlindungan tambahan dengan melalui endorsan biasa tanpa pengunderaitan, dimana Pelanggan yang Layak tidak perlu menjawab soal selidik kesihatan di dalam permohonan ("Permohonan"). Untuk melayakkan diri dalam Permohonan ini, kesemua terma yang dinyatakan dalam Sijil yang Layak dan Permohonan mengenai penambahan jumlah perlindungan, termasuk terma yang dinyatakan dibawah mesti dipenuhi sebelum bahagian yang ditambahkan berkuatkuasa.
 - a) Permohonan dikemukakan kepada kami dalam tempoh masa tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh perlindungan tambahan dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh kami;
 - b) Tiada tuntutan Penyakit Kritikal (CI) dan/atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) yang telah dikemukakan/diluluskan untuk sijil ini dan sijil-sijil lain yang anda miliki dengan kami yang melindungi Orang yang Dilindungi yang sama;
 - c) Semua sumbangan tertunggak mesti perlu dibayar; dan
 - d) Sijil yang Layak mesti masih berkuatkuasa.

Amaun sumbangan yang dibayar untuk Sijil yang Layak mungkin disemak semula disebabkan permohonan ini dan akan berkuatkuasa selepas Tarikh Tamat Tempoh Manfaat Kematian Kempen.
7. PruBSN akan menolak kelayakan Kempen sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
8. Bagi semua matlamat dan tujuan, tawaran yang disediakan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma-terma dan syarat-syarat dibawah Permohonan(permohonan) ("Terma-terma"). Terma-terma akan terus berkuatkuasa dan berkesan. Semua permohonan adalah tertakluk kepada pemprosesan standard dan/atau peraturan pengunderaitan PruBSN.